

Muhammad Azmil dilantik Yang Dipertua MPP USIM

Bandar Baru Nilai: Undi tertinggi diraih Nurul Syakirin Ahmad Najid, pada pilihan raya kampus, gagal menobatkan beliau sebagai wanita pertama dilantik menjadi Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Sebaliknya, Muhammad Azmil Abu Seman, yang mendapat 5,924 undi ketika pemilihan Kerusi Umum MPP, 24 Oktober lalu, dipilih sebagai Yang Dipertua, manakala Nurul Syakirin, 22, yang menang dengan

6,879 undi, hanya dipilih sebagai Timbalannya.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan MPP, Profesor Datuk Dr Mohamed Asin Dollah, menjelaskan pemilihan Yang Dipertua MPP dibuat oleh 24 pemenang Kerusi Umum terdiri 12 lelaki dan 12 perempuan.

Katanya, USIM menghormati keputusan pemenang kerusi umum yang memilih Azmil untuk menerajui kepemimpinan

MPP bagi sesi 2013/2014.

"Memang benar Nurul Syakirin mendapat undi tertinggi, tetapi mereka diberi peluang bermesyuarat dan memilih sendiri orang yang layak bagi memegang jawatan Yang Dipertua MPP.

"Pengurusan USIM tidak campur tangan dalam pemilihan jawatan itu dan kami menerima apa saja keputusan yang dibuat mereka," katanya selepas majlis penyampaian watakah pelantikan MPP di sini, semalam.